

## 2 Korintus

### *Pendahuluan*

<sup>1</sup> Daripada Paulus yang dengan kehendak Allah telah dilantik sebagai Rasul Isa al-Masih, dan daripada saudara kita, Timotius,

Kepada jemaah di Korintus dan kepada semua orang salih yang tinggal di Akhaya:

<sup>2</sup> Semoga Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih menganugerahimu kasih kurnia dan sejahtera

### *Allah sumber segala penghiburan*

<sup>3</sup> Segala puji bagi Allah, Bapa Junjungan kita Isa al-Masih, Bapa Yang Maha Pemurah dan Allah sumber segala penghiburan. <sup>4</sup> Dia menghibur kami dalam pelbagai kesusahan, supaya kami pula dapat menghibur orang yang mengalami kesusahan dengan penghiburan yang kita terima sendiri daripada Allah. <sup>5</sup> Sebagaimana banyaknya penderitaan al-Masih yang telah kami alami, begitulah banyaknya penghiburan yang kami terima daripada-Nya. <sup>6</sup> Jika kami menanggung kesusahan, itu adalah untuk menghibur kamu dan untuk penyelamatanmu. Jika kami dihibur, itu akan menghibur kamu juga, supaya kamu tetap tabah menanggung penderitaan yang telah kami alami juga. <sup>7</sup> Kami tetap menaruh harapan tentang kamu, kerana kami tahu, jika kamu mengalami penderitaan seperti

yang kami alami, maka kamu juga akan menerima penghiburan seperti yang kami terima.

<sup>8</sup> Kami juga hendak memberitahumu, saudara-saudara, tentang kesusahan yang telah menimpa kami di Asia Kecil. Beban kami sungguh berat, lebih daripada yang terdaya kami tanggung, sehingga kami putus asa untuk terus hidup.

<sup>9</sup> Kami merasa bagaikan telah dijatuhkan hukum mati. Namun, itu telah berlaku supaya kami tidak lagi berharap kepada diri sendiri tetapi kepada Allah yang menghidupkan semula orang mati. <sup>10</sup> Dialah yang telah melepaskan kami daripada bahaya yang amat dahsyat, dan Dialah yang akan melepaskan kami. Kami menaruh harapan kepada-Nya, bahawa Dia akan melepaskan kami.

<sup>11</sup> Kamu juga harus menolong kami dengan doa, sehingga ramai orang bersyukur kepada Allah atas kurnia yang diberikan kepada kami kerana doa ramai orang.

### *Perubahan rancangan Paulus*

<sup>12</sup> Inilah kebanggaan kami, dan hati nurani kami bersaksi demikian, iaitu dalam kalangan semua orang, terutamanya di kalanganmu, kami hidup dalam kesucian dan keikhlasan yang datang daripada Allah. Kami melakukan ini bukan dengan kebijaksanaan kami sebagai manusia, tetapi dengan kasih kurnia Allah.

<sup>13</sup> Segala yang kami tuliskan kepadamu dalam surat ini tidak mengandungi erti yang lain daripada yang kamu baca dan fahami. <sup>14</sup> Aku berharap bahawa walaupun kamu baru memahami sebahagian tentang diri kami, kamu

akan memahami kami sepenuhnya nanti, dan kamu akan berbangga dengan kami sebagaimana kami berbangga dengan kamu pada hari kedatangan Junjungan kita Isa.

<sup>15</sup> Oleh sebab keyakinan itulah maka aku pernah berniat ke tempatmu lebih dahulu, supaya kamu mendapat berkat dua kali. <sup>16</sup> Niatku dahulu ialah singgah di tempatmu dalam perjalanan ke Makedonia, dan dari Makedonia datang ke tempatmu lagi untuk meminta kamu menolongku meneruskan perjalanan ke Yudea. <sup>17</sup> Jika aku merancang begitu, adakah ini menunjukkan aku tidak berpendirian tetap? Atau adakah aku merancang seperti orang duniawi, demikian mudah berkata 'ya' dan 'tidak' pada saat yang sama?

<sup>18</sup> Demi Allah Yang Maha Setia, apa yang kami katakan kepadamu bukanlah 'ya' atau 'tidak.' <sup>19</sup> Ini kerana Isa al-Masih, Putera Allah yang telah disampaikan berita-Nya kepadamu oleh aku, Silwanus dan Timotius, bukanlah 'ya' dan 'tidak,' tetapi pada-Nya ada 'ya' semata-mata. <sup>20</sup> Isa adalah 'ya' bagi semua janji Allah. Oleh itulah melalui-Nya kita menyebut 'Amin' demi kemuliaan Allah. <sup>21</sup> Allah telah menentukan kami bersama kamu dalam al-Masih. Dia telah melantik kita, <sup>22</sup> menandakan kita dengan materai-Nya, dan mengurniakan Roh-Nya untuk masuk ke hati kita sebagai jaminan.

<sup>23</sup> Aku berseru kepada Allah untuk menjadi Saksi bagiku, bahawa sebabnya aku belum juga ke Korintus ialah kerana kasihku kepadamu. <sup>24</sup> Kami bukanlah berhasrat memberikan perintah tentang apa yang harus kamu percayai;

kamu sudah berdiri teguh dalam keyakinanmu. Kami mahu bekerja bersama kamu demi kebahagiaanmu.

## 2

<sup>1</sup> Aku telah membuat keputusan sendiri, bahawa aku tidak akan datang lagi ke tempatmu dalam kesedihan; <sup>2</sup> kerana jika aku mendatangkan kesedihan kepadamu, siapa lagi yang dapat memberikan kegembiraan kepadaku selain kamu yang telah kusedihkan? <sup>3</sup> Oleh itulah aku menuliskannya dalam suratku, supaya jangan nanti aku bersedih kerana mereka yang sepatutnya memberikan kegembiraan kepadaku. Aku percaya bahawa jika aku gembira, kamu akan turut gembira. <sup>4</sup> Aku menulis kepadamu dengan air mata bercucuran kerana hatiku sungguh sedih dan cemas. Aku bukanlah berniat hendak menyedihkan kamu, tetapi aku mahu kamu tahu bahawa aku amat mengasihimu.

### *Mengampuni orang bersalah*

<sup>5</sup> Jika seseorang telah mendatangkan kesedihan maka bukan aku yang ditimpa kesedihan itu, tetapi kamu semua, atau sekurang-kurangnya – supaya aku tidak terlalu keras – sebilangan daripadamu. <sup>6</sup> Bagi orang itu, hukuman yang dijatuhkan oleh sebilangan besar sudah cukup. <sup>7</sup> Oleh itu, baiklah kamu mengampuni dan menghiburnya, supaya dia tidak ditenggelami kesedihan. <sup>8</sup> Dengan demikian, aku meminta kamu menunjukkan bahawa kamu benar-benar mengasihinya. <sup>9</sup> Aku menuliskan hal ini

untuk mendapat bukti sama ada kamu mahu menurut petunjukku dalam semua perkara. <sup>10</sup> Siapa saja yang telah kamu ampuni, aku pun telah mengampuninya. Kesalahan apapun yang kuampuni – jika memang ada yang harus kuampuni – kuampuni di hadapan al-Masih untukmu <sup>11</sup> supaya Iblis tidak mendapat keuntungan, kerana kita mengetahui tujuan-tujuannya.

### *Kebimbangan Paulus di Troas*

<sup>12</sup> Apabila aku pergi ke Troas untuk menyebarkan Injil al-Masih, ternyata Tuhan telah membukakan pintu untukku. <sup>13</sup> Namun demikian, hatiku tidak tenang juga kerana aku tidak menjumpai saudaraku Titus. Oleh itulah aku meminta diri kepada mereka lalu pergi ke Makedonia.

<sup>14</sup> Tetapi syukur kepada Allah yang sentiasa memimpin kami ke arah kemenangan dalam al-Masih, dan melalui kami menyebarkan keharuman pengenalan-Nya merata-rata; <sup>15</sup> kerana kepada Allah kami adalah keharuman al-Masih di kalangan mereka yang berada di jalan keselamatan dan mereka yang berada di jalan kebinasaan. <sup>16</sup> Bagi yang berada di jalan kebinasaan, kami seperti bau daripada maut yang membawa maut, manakala bagi yang berada di jalan keselamatan, kami seperti bau daripada hidup yang membawa hidup. Siapakah yang sanggup melaksanakan tugas sedemikian? <sup>17</sup> Kami tidak seperti sebilangan besar orang yang mencari keuntungan daripada firman Allah; sebaliknya, kami berhati ikhlas. Sebagai utusan Allah, kami

berkata-kata atas nama al-Masih dengan penuh tanggungjawab di hadapan Allah.

### 3

<sup>1</sup> Adakah kami memuji diri? Atau perlukah kami menunjukkan surat pujian kepadamu atau yang datang daripadamu, seperti dilakukan oleh sebilangan orang? <sup>2</sup> Kamulah surat pujian kami, yang tersurat di hati kami, dan yang dapat diketahuhi serta dibaca oleh semua orang. <sup>3</sup> Kamu adalah surat kiriman al-Masih yang kami hantarkan. Surat itu ditulis bukan dengan dakwat, tetapi dengan Roh Allah yang hidup; bukan di loh batu tetapi di loh daging iaitu hati manusia.

<sup>4</sup> Demikianlah keyakinan kami kepada Allah melalui al-Masih. <sup>5</sup> Kami tidak menganggap kesanggupan kami bekerja datang daripada diri kami sendiri. Kesanggupan itu datang daripada Allah. <sup>6</sup> Dialah yang telah menjadikan kami sanggup mengabdikan diri kepada umat perjanjian baru yang tidak lagi berasaskan perintah-perintah tersurat tetapi berasaskan Roh; kerana perintah-perintah tersurat itu membawa kematian sedangkan Roh membawa kehidupan.

#### *Kemuliaan perjanjian baru*

<sup>7</sup> Jika perjanjian yang membawa kepada kematian, iaitu yang terukir di loh-loh batu, diturunkan dari kemuliaan wajah Musa sehingga bangsa Israel tidak dapat memandangi wajahnya, walaupun ketika itu sinarnya sudah mulai malap; <sup>8</sup> maka tentulah perjanjian yang datang daripada

Roh lebih besar lagi kemuliaannya. <sup>9</sup> Jika perjanjian yang membawa manusia kepada penghakiman begitu mulianya, maka perjanjian yang membawa manusia kepada kebenaran tentulah jauh lebih mulia lagi! <sup>10</sup> Sesuatu yang dahulu dipandang mulia tidak mulia lagi berbanding sesuatu yang jauh lebih mulia. <sup>11</sup> Jika sesuatu yang sementara telah diturunkan dengan kemuliaan, maka sesuatu yang kekal haruslah diturunkan dengan kemuliaan yang lebih besar.

<sup>12</sup> Oleh sebab kami menaruh harapan demikian, maka kami lebih berani, <sup>13</sup> berbeza dengan Musa yang menutup wajahnya dengan selubung supaya bangsa Israel tidak dapat memandang kemuliaan yang beransur malap. <sup>14</sup> Fikiran mereka menjadi tumpul, kerana hingga hari ini, apabila mereka membaca Kitab-kitab Suci yang mengandungi perjanjian lama, selubung itu masih tetap menghalang pandangan mereka. Selubung tidak akan terbuka kecuali dalam al-Masih. <sup>15</sup> Malah hingga sekarang, ketika mereka membaca Kitab Suci yang disampaikan melalui Musa, selubung itu masih menutupi hati mereka. <sup>16</sup> Apabila hati mereka kembali kepada Tuhan, selubung itu akan disingkapkan. <sup>17</sup> Tuhan adalah Roh; dan di mana ada Roh Tuhan, di situlah ada kebebasan. <sup>18</sup> Kita semua melihat kemuliaan Tuhan tercermin dengan wajah yang tidak berselubung, dan kita diubah menjadi serupa dengan-Nya dalam kemuliaan yang kian besar, oleh Roh Tuhan.

### *Harta rohani dalam bejana tanah*

<sup>1</sup> Dengan belas kasihan-Nya, Allah telah mengamanahkan pengabdian ini kepada kami. Oleh itu kami tidak tawar hati. <sup>2</sup> Kami menolak semua perbuatan rahsia yang memalukan. Kami juga tidak melakukan tipu daya atau menyalahertikan firman Allah, tetapi dengan menyatakan kebenaran, kami mengizinkan semua orang menilai kami dalam hati nurani mereka di hadapan Allah. <sup>3</sup> Namun, sekiranya Injil yang kami sampaikan itu tetap terselubung juga, maka memanglah Injil itu terselubung bagi mereka yang berada di jalan kebinasaan. <sup>4</sup> Fikiran orang yang tidak beriman itu telah dibutakan oleh tuhan pujaan dunia, maka mereka tidak dapat melihat terang cahaya Injil tentang kemuliaan al-Masih yang merupakan gambaran Allah. <sup>5</sup> Kami tidak menyebarkan berita tentang diri kami, tetapi tentang Isa al-Masih sebagai Junjungan Yang Esa. Diri kami mengabdikan kepadamu kerana Isa. <sup>6</sup> Allah telah berfirman, 'Hendaklah cahaya bersinar dari dalam gelap'. Allah juga yang telah membuat cahaya itu bersinar dalam hati kita, sehingga kita dapat mengenal kemuliaan Allah di wajah Isa al-Masih.

<sup>7</sup> Tetapi kami memiliki harta yang ada dalam bejana tanah liat supaya jelaslah bahawa kuasa yang melebihi segala-galanya berasal daripada Allah, bukan daripada diri sendiri. <sup>8</sup> Dalam segala hal kami dihimpit, tetapi tidak hancur. Kami bingung, tetapi tidak putus asa. <sup>9</sup> Kami dianiaya, tetapi tidak ditinggalkan. Kami dijatuhkan, tetapi tidak dimusnahkan. <sup>10</sup> Ke mana pun kami pergi,



kami sentiasa membawa kematian Isa dalam tubuh kami, supaya kehidupan-Nya nyata dalam tubuh kami. <sup>11</sup> Kami yang masih hidup ini sentiasa diserahkan ke tangan maut demi Isa, supaya kehidupan-Nya nyata dalam tubuh kami yang fana. <sup>12</sup> Oleh itu, maut bekerja dalam diri kami, sebaliknya hidup bekerja dalam dirimu.

<sup>13</sup> Namun, oleh sebab kami mempunyai roh iman seperti yang tersurat, 'Aku percaya, maka aku bersuara', kami pun berkata, 'Kami percaya, maka kami bersuara.' <sup>14</sup> Kami tahu bahawa Dia yang telah membangkitkan Isa, Junjungan kita, akan membangkitkan kami juga bersama Isa, lalu menghadapkan kami bersama kamu kepadanya. <sup>15</sup> Semuanya berlaku untukmu; dengan melimpahnya kasih kurnia kepada orang yang kian ramai, melimpah pulalah ucap syukur bagi kemuliaan Allah.

<sup>16</sup> Dengan demikian, kami tidak tawar hati. Walaupun manusia lahiriah kami kian merosot, namun manusia batiniyah kami diperbaharui setiap hari. <sup>17</sup> Kesusahan yang ringan dan hanya sedetik ini membawa bagi kami kemuliaan yang kekal tanpa bandingan. <sup>18</sup> Kami tidak mementingkan hal-hal yang kelihatan, tetapi hal-hal yang tidak kelihatan; kerana yang kelihatan itu cuma sedetik, manakala yang tidak kelihatan itu kekal.

## 5

### *Tempat tinggal di syurga*

<sup>1</sup> Kami tahu bahawa apabila khemah tempat kami tinggal di bumi ini roboh, Allah telah menyediakan tempat kediaman bagi kami di syurga,

yang tidak diperbuat oleh tangan manusia, dan yang bersifat kekal. <sup>2</sup> Dalam khemah yang kita diami kini, kita merintih dan merindui tempat tinggal kita di syurga, yang akan kita terima. <sup>3</sup> Setelah kita menerimanya, kita tidaklah akan tinggal terdedah. <sup>4</sup> Selagi kita masih mendiami khemah yang sekarang, kita merintih kerana terbeban, kerana kita tidak mahu terdedah; kita ingin dilindungi oleh yang kekal, ingin agar yang fana digantikan dengan yang hidup. <sup>5</sup> Inilah yang telah disediakan Allah untuk kita; dan Dia telah mengurniakan Roh-Nya kepada kita sebagai jaminan.

<sup>6</sup> Oleh itu kami sentiasa yakin. Kami tahu bahawa selagi kami mendiami tubuh ini, kami masih jauh daripada Tuhan; <sup>7</sup> Kerana kami hidup dengan iman, bukan dengan penglihatan. <sup>8</sup> Kami sentiasa yakin. Sebenarnya kami lebih suka jika dipisahkan dari tubuh ini dan tinggal bersama Tuhan. <sup>9</sup> Dengan demikian, baik ketika masih mendiami tubuh ini mahupun ketika dipisahkan darinya, kami berusaha supaya tetap diredai-Nya. <sup>10</sup> Kita semua akan dihadapkan ke pengadilan al-Masih, dan setiap orang akan menerima balasan yang setimpal dengan perbuatannya, baik ataupun jahat.

### *Mengusahakan pendamaian*

<sup>11</sup> Kami tahu apa yang dimaksudkan dengan takut kepada Tuhan. Oleh itu kami berusaha meyakinkan orang. Allah mengenal kami dengan jelas, dan aku berharap dalam hati nuranimu kamu juga mengenal kami dengan jelas.

<sup>12</sup> Kami bukanlah cuba memuji diri lagi di hadapanmu, tetapi kami memberimu alasan untuk berbangga dengan kami, supaya kamu dapat memberikan jawapan kepada mereka yang membanggakan hal-hal lahiriah dan bukan hal-hal batiniah. <sup>13</sup> Sekiranya kami kelihatan seperti orang yang kehilangan akal, itu adalah demi kepentingan Allah. Jika kami kelihatan seperti orang yang berakal, itu adalah demi kepentinganmu. <sup>14</sup> Kasih al-Masih menguasai hidup kami, dan kami yakin bahawa apabila seseorang telah mati bagi semua orang, maka semua orang itu pun telah mati. <sup>15</sup> Dia telah mati bagi semua orang, supaya mereka yang hidup tidak lagi hidup untuk diri sendiri tetapi untuk Dia yang telah mati dan telah dibangkitkan bagi mereka.

<sup>16</sup> Oleh itu dari saat itu kami tidak memandangkan orang berdasarkan keadaan lahiriah semata-mata. Memang kami pernah memandangkan al-Masih secara lahiriah tetapi kini tidak lagi. <sup>17</sup> Sesiapa yang ada dalam al-Masih adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya baru. <sup>18</sup> Semuanya datang daripada Allah, yang telah mendamaikan kita dengan diri-Nya melalui al-Masih, dan mengamanahkan kepada kami tugas mulia untuk mengusahakan pendamaian itu. <sup>19</sup> Dalam al-Masih, Allah telah mendamaikan isi dunia ini dengan diri-Nya dan tidak lagi memperhitungkan kesalahan-kesalahan mereka. Berita pendamaian itu telah diamanahkannya kepada kami. <sup>20</sup> Kami adalah para duta al-Masih. Melalui kami, Allah menyampaikan apa

yang dikehendaki-Nya. Oleh itu demi al-Masih, kami meminta kepadamu: Berdamailah semula dengan Allah! <sup>21</sup> Allah menjadikan al-Masih yang tidak mengenal dosa menjadi penanggung dosa untuk kita, supaya dalam al-Masih kita menjadi benar di hadapan Allah.

## 6

<sup>1</sup> Sebagai rakan-rakan sekerja, kami meminta kepadamu, janganlah sia-siakan kasih kurnia Allah yang telah kamu terima, <sup>2</sup> kerana demikianlah firman-Nya,

‘Aku telah mendengar kata-katamu ketika  
    Aku berkenan  
    dan pada hari penyelamatan,  
    Aku telah menolongmu.’

Sekaranglah waktunya Allah berkenan dan sekaranglah hari penyelamatan itu.

### *Penderitaan Paulus*

<sup>3</sup> Dalam hal apa jua, kami tidak menyebabkan orang tersandung, supaya pengabdian kami tidak dicela. <sup>4</sup> Sebaliknya, dalam semua hal, kami telah membuktikan bahawa kami bersikap secara yang wajar bagi hamba-hamba Allah. Kami cukup tabah menghadapi kesusahan, kesulitan dan kesempitan, <sup>5</sup> sebatan, pemenjaraan, huru-hara, penat lelah, bercekang mata, dan keadaan lapar. <sup>6</sup> Kami hidup dalam kesucian, pengetahuan, kesabaran, baik budi, dalam Roh Suci, dan dalam kasih sejati. <sup>7</sup> Kami menyampaikan kebenaran, dan hidup dalam kuasa Allah. Kami

bersenjatakan kebenaran, di tangan kanan dan kiri. <sup>8</sup> Kami dimuliakan dan dihina, dikeji dan dipuji. Kami dipanggil penipu sedangkan kami benar. <sup>9</sup> Kami dianggap tidak dikenali, padahal terkenal. Kami disangka sudah hampir mati, tetapi ternyata masih hidup. Kami dibelasah, namun tidak dibunuh. <sup>10</sup> Kami disedihkan, tetapi sentiasa gembira. Kami miskin, namun ramai yang kami per kaya. Kami tidak memiliki apa-apa, tetapi kami mempunyai segala-galanya.

<sup>11</sup> Wahai orang Korintus! Kami telah bercakap terus-terang kepadamu, hati kami terbuka luas. <sup>12</sup> Kamu terbatas bukanlah oleh kami tetapi oleh perasaanmu sendiri.

*Jangan berpasangan dengan orang yang tidak beriman.*

<sup>13</sup> Oleh itu aku berkata seperti kepada anak-anak, bukalah hatimu supaya antara kita saling berterus-terang.

<sup>14</sup> Janganlah berpasangan dengan orang yang tidak beriman. Pasangan begitu tidak sepadan; kerana adakah persamaan antara yang baik dengan yang jahat? Dapatkah terang bersatu dengan gelap? <sup>15</sup> Adakah muafakat antara al-Masih dengan Belial? Adakah kesamaan antara orang yang beriman dengan orang yang tidak beriman?

<sup>16</sup> Adakah hubungan antara rumah Allah dengan berhala-berhala? Kita adalah rumah Allah Yang Hidup, seperti dalam firman-Nya, 'Aku akan tinggal dalam mereka dan berjalan di antara mereka. Aku akan menjadi Allah Tuhan mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku.'

17 Oleh itu,

‘Keluarlah dari kalangan mereka,  
dan asingkanlah dirimu daripada mereka,’  
demikianlah firman Tuhan.

‘Jangan sentuh yang najis,  
maka Aku akan menerimamu’

18 ‘Aku akan menjadi Bapamu,  
dan kamu, anak-anak-Ku lelaki perempuan,  
‘demikianlah  
firman Tuhan Yang Maha Kuasa.

## 7

1 Oleh sebab kita telah mendapat janji-janji itu, saudara-saudara yang kukasihi, sucikanlah diri daripada segala yang menajiskan tubuh atau roh, dan sempurnakan kesucian kita dengan rasa takut kepada Allah.

### *Sukacita Paulus*

2 Berikanlah tempat bagi kami di hatimu. Kami tidak pernah berbuat salah kepada sesiapa. Kami tidak pernah merosakkan iman atau memperalatkan sesiapa. <sup>3</sup> Aku berkata demikian bukan untuk menyalahkan kamu, kerana tadi aku menyatakan bahawa kamu telah mendapat tempat di hati kami, maka kita sehidup semati. <sup>4</sup> Aku sangat mempercayaimu dan berbangga denganmu. Aku sangat terhibur, dan dalam segala kesusahan kami, hatiku dipenuhi kegembiraan.

<sup>5</sup> Setelah sampai di Makedonia, ternyata kami langsung tidak mengalami ketenangan. Kami menanggung pelbagai kesusahan: persengke-taan dari luar, dan ketakutan dalam diri sendiri.

<sup>6</sup> Tetapi Allah, yang menghibur orang yang putus asa, menghibur kami dengan kedatangan Titus.

<sup>7</sup> Bukan kedatangannya sahaja yang menghibur, malah juga penghiburan yang didapatinya keranamu. Dia bercerita kepada kami tentang kerinduanmu, penyesalanmu, dan kehebatan semangatmu menyokongku, yang lebih menggem-birakan lagi hatiku.

<sup>8</sup> Walaupun aku telah menyedihkanmu dengan surat yang kukirim, aku tidak menyesal. Pada suatu ketika memang aku menyesal, kerana jelas sekali surat itu telah menyedihkanmu, biarpun untuk beberapa detik. <sup>9</sup> Tetapi kini aku gembira, bukan kerana kamu bersedih, tetapi kerana kesedihanmu itu membawa taubat. Ertinya, memanglah kamu bersedih, tetapi hal itu selaras dengan kehendak Allah, maka kami tidaklah merugikanmu.

<sup>10</sup> Kesedihan yang selaras dengan kehendak Allah membawa taubat dan penyelamatan, maka tidak harus disesali. Sebaliknya, kesedihan dari dunia ini membawa maut.

<sup>11</sup> Perhatikan bahawa kesedihanmu itu selaras dengan kehendak Allah. Betapa hebatnya yang dicetuskan dalam dirimu: kesungguhan, keinginan membersihkan diri daripada tuduhan, kemarahan, ketakutan, kerinduan, semangat, dan usaha menegakkan keadilan. Dari segala segi kamu telah membuktikan dirimu suci dalam hal ini.

<sup>12</sup> Kutulis surat itu kepadamu bukan untuk orang yang melakukan kesalahan itu, dan bukan pula untuk orang yang menjadi mangsa kesalahan itu, tetapi supaya perhatian kami terhadapmu di hadapan Allah ternyata kepadamu.

<sup>13</sup> Oleh sebab itulah kami merasa terhibur. Tetapi selain itu, kami merasa lebih gembira lagi melihat kegembiraan Titus, kerana kamu telah menenteramkan hatinya.

<sup>14</sup> Aku telah berbangga denganmu di hadapan Titus dan aku tidak malu berbuat demikian. Sebagaimana dalam hal-hal lain kami bercakap benar kepadamu, kata-kata bangga kami terhadapmu di hadapan Titus juga ternyata benar. <sup>15</sup> Kasihnya kepadamu kian mendalam apabila dia mengingati ketaatanmu, dan betapa kamu telah menyambutnya dengan takut dan gemetar. <sup>16</sup> Aku gembira kerana aku dapat mempercayaimu dalam segala hal.

## 8

### *Kemurahan hati*

<sup>1</sup> Kami ingin memberitahumu, saudara-saudaraku, tentang kasih kurnia Allah kepada jemaah-jemaah di Makedonia. <sup>2</sup> Sungguhpun mereka banyak diuji dengan kesusahan, namun kegembiraan mereka melimpah. Walaupun mereka sangat miskin, mereka kaya dalam kemurahan hati. <sup>3</sup> Aku dapat memberi kesaksian bahawa dengan rela hati mereka telah memberi setakat termampu, malah lebih daripada itu. <sup>4</sup> Mereka telah meminta bersungguh-sungguh kepada kami agar mereka diberi hak istimewa untuk menyumbang kepada keperluan orang salih. <sup>5</sup> Hal ini benar-benar di luar jangkauan kami. Mereka mempersembahkan diri pertama kepada Tuhan, kemudian kepada kami juga dengan kehendak Allah. <sup>6</sup> Oleh itu kami meminta



bersungguh-sungguh kepada Titus, yang telah memulakan usaha itu, supaya melanjutkan pekerjaan yang mulia itu di kalanganmu. <sup>7</sup> Jadi, sebagaimana kamu kaya dalam segala hal dalam iman, kata-kata, pengetahuan, pelbagai usaha, dan dalam kasihmu kepada kami hendaklah kamu kaya juga dalam pekerjaan yang mulia itu.

<sup>8</sup> Ini bukanlah satu perintah, tetapi aku menguji keikhlasan kasihmu berbanding kesungguhan orang lain. <sup>9</sup> Kamu tahu tentang kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih. Dia kaya, tetapi kerana kamu Dia telah menjadikan diri-Nya miskin supaya melalui kemiskinannya kamu menjadi kaya.

<sup>10</sup> Dalam hal ini, aku menasihatimu: Sudah sewajarnya kamu meneruskan apa yang kamu mulakan setahun lalu. Pada masa itu, kamulah yang mula-mula berhasrat memberi, dan kamulah yang mula-mula bertindak. <sup>11</sup> Sekarang, hendaklah kamu menyempurnakannya. Dahulu kamu telah membuat keputusan memberi, maka sekarang buktikanlah bahawa kamu bersedia melaksanakannya menurut kemampuanmu.

<sup>12</sup> Jika seseorang sanggup memberi, Allah reda menerima pemberiannya menurut apa yang dia ada, bukan apa yang dia tidak ada.

<sup>13</sup> Maksudku bukanlah supaya orang lain dimudahkan manakala kamu disusahkan, tetapi agar terdapat persamaan. <sup>14</sup> Kini, kelebihanmu dapat menampung kekurangan mereka. Satu hari nanti, kelebihan mereka dapat menampung kekuranganmu pula, maka terdapatlah persamaan, <sup>15</sup> seperti telah tersurat, 'Orang yang memperoleh banyak tidak

berlebihan, orang yang memperoleh sedikit tidak kekurangan.’

### *Titus diutus ke Korintus*

<sup>16</sup> Segala puji dan syukur kepada Allah kerana telah meletakkan ke dalam hati Titus keprihatinan yang sama terhadapmu. <sup>17</sup> Titus menerima permintaan kami, malah dengan kehendaknya sendiri pergi mengunjungimu. <sup>18</sup> Kami mengutus seorang lagi saudara kita bagi menyertai Titus: Seorang yang terpuji di kalangan semua jemaah kerana pelayanannya dalam hal-hal Injil. <sup>19</sup> Malah dia juga telah dipilih oleh semua jemaah untuk menemani kami dalam perjalanan kami, yang bertujuan menyampaikan pemberian itu, agar Tuhan dimuliakan dan kesediaanmu menolong menjadi nyata. <sup>20</sup> Kami juga ingin mengelakkan daripada dicela berkaitan tindakan kami membawa pemberian yang begitu besar. <sup>21</sup> Kami berusaha melakukan apa yang benar bukan sahaja di sisi Allah tetapi juga di mata manusia.

<sup>22</sup> Oleh yang demikian, bersama Titus dan saudara kita itu, kami mengutus seorang lagi saudara kita. Kami telah mengujinya beberapa kali dan mendapatinya amat bersungguhsungguh. Malah sekarang dia lebih bersungguhsungguh lagi disebabkan kepercayaan yang sangat besar kepadamu. <sup>23</sup> Titus adalah temanku dan rakan sekerjaku untuk kepentinganmu. Saudara-saudara kita yang lain itu adalah utusan jemaah-jemaah, dan kemuliaan al-Masih. <sup>24</sup> Oleh itu, tunjukkanlah kepada mereka dan di hadapan semua

jemaah bukti kasihmu serta kebanggaan kami terhadapmu.

## 9

<sup>1</sup> Tentang pemberian bantuan kepada orang salih, aku tidak perlu menulis kepadamu, <sup>2</sup> kerana aku tahu kesediaanmu. Malah aku berbangga tentangmu di hadapan orang Makedonia dengan berkata bahawa Akhaya sudah siap memberi sejak tahun lalu; semangatmu telah banyak memberikan perangsang. <sup>3</sup> Aku mengutus saudara-saudara kita itu supaya kebanggaan kami terhadapmu dalam hal ini tidak sia-sia. Oleh itu, kamu hendaklah benar-benar siap sedia, seperti yang telah kukatakan kepada mereka. <sup>4</sup> Kalau ada orang Makedonia yang datang bersama aku dan mereka mendapati kamu belum siap, maka kami (tentulah juga kamu!) akan berasa malu, kerana kami begitu yakin. <sup>5</sup> Dengan demikian aku telah meminta saudara-saudara kita pergi terlebih dahulu menemui kamu dan mengatur pemberian yang telah kamu janjikan itu; biar pemberian itu terkumpul dari kemurahan hatimu, bukan kerana terpaksa.

### *Menyemai banyak*

<sup>6</sup> Ingatlah firman ini: Orang yang menyemai sedikit akan menuai sedikit, dan orang yang menyemai banyak akan menuai banyak. <sup>7</sup> Masing-masing hendaklah memberi setulus hati, jangan dengan rasa enggan atau terpaksa, kerana Allah meredai orang yang memberi dengan gembira. <sup>8</sup> Allah berkuasa melimpahkan

kasih kurnia-Nya kepadamu, supaya kamu dapat memenuhi segala keperluanmu dan berlebihan pula untuk amal kebajikan. <sup>9</sup> Sebagaimana tersurat,

‘Dia telah menaburkan kurnia-Nya  
merata-rata di kalangan orang miskin,  
Kebenaran-Nya kekal selama-lamanya.’

<sup>10</sup> Allah telah menyediakan benih untuk disemai dan roti untuk dimakan. Semoga Allah melipatgandakan benih yang telah kamu semai dan memperbanyak buah hasil kebenaran, <sup>11</sup> serta memperkaya kamu dalam segala hal, sehingga kamu dapat terus-menerus bermurah hati. Pemberianmu yang disampaikan melalui kami akan menimbulkan rasa syukur kepada Allah.

<sup>12</sup> Kerana pekerjaan mulia yang sedang kita usahakan ini bukan sahaja akan menampung kekurangan orang salih, tetapi juga menyebabkan banyak orang mengucap syukur kepada Allah. <sup>13</sup> Melalui pekerjaan mulia ini, kamu membuktikan imanmu dan mereka memuliakan Allah kerana melihat kesetiaan pengakuanmu terhadap Injil al-Masih serta kemurahan hati yang kamu tunjukkan dengan pemberian kepada mereka dan semua orang. <sup>14</sup> Mereka berdoa untukmu dan ingin berdamping denganmu kerana kasih kurnia Allah yang melebihi segala-galanya memenuhi dirimu. <sup>15</sup> Segala puji dan syukur kepada Allah kerana kurnia-Nya yang tidak terperikan.

# 10

## *Paulus mempertahankan diri*

<sup>1</sup> Sekarang aku, Paulus, yang gementar ketika berhadapan denganmu tetapi berani ketika berjauhan, memohon sesuatu kepadamu atas sifat al-Masih yang lemah lembut dan rendah hati. <sup>2</sup> Aku memohon kepadamu, apabila aku datang nanti, janganlah sampai aku terpaksa menunjukkan keberanian di hadapanmu. Aku memang berniat untuk bertindak begitu terhadap beberapa orang yang menyangka bahawa kami hidup seperti orang duniawi. <sup>3</sup> Walaupun kami hidup di dunia, kami tidaklah berjuang secara duniawi. <sup>4</sup> Senjata-senjata kami bukanlah benda-benda duniawi tetapi kekuatan Ilahi untuk meruntuhkan benteng-benteng, <sup>5</sup> mematahkan hujah-hujah dan segala yang meninggikan diri menentang pengenalan Allah, menundukkan semua fikiran supaya mematuhi al-Masih, <sup>6</sup> serta bersedia menghukum segala keingkaran terhadap Allah apabila ketaatanmu disempurnakan.

<sup>7</sup> Kamu hanya melihat sesuatu berdasarkan lahiriahnya. Jika seseorang yakin dalam hatinya bahawa dia milik al-Masih, hendaklah dia memikirkan pula, bahawa sebagaimana dia milik al-Masih, begitu jugalah kita ini milik al-Masih. <sup>8</sup> Kalaupun aku berbangga lebih sedikit tentang kewibawaan kami, yang diberikan oleh Tuhan kepada kami untuk membangunkan dan bukan membinasakan kamu, aku tidak akan berasa malu. <sup>9</sup> Ini kerana aku tidak

mahu kamu menyangka bahawa aku hendak menakut-nakutkanmu dengan surat-suratku. <sup>10</sup> Ada yang berkata, ‘Surat-suratnya bernas dan tegas, tetapi apabila berhadapan muka, dia kelihatan daif dan pertuturannya pun tidak memberikan kesan.’ <sup>11</sup> Orang yang berkata demikian haruslah menimbangkan hal ini: Bahawa sebagaimana kata-kata kami dalam surat ketika berjauhan, begitulah juga tindakan kami apabila berhadapan kelak.

<sup>12</sup> Kami tidak berani menggolongkan atau membandingkan diri kami dengan mereka yang memuji diri sendiri. Apabila mereka menilai diri sendiri dan membandingkan diri sama sendiri, mereka tidaklah bertindak dengan bijaksana. <sup>13</sup> Sebaliknya, kami tidak akan berbangga berlebih-lebihan, tetapi dalam batas-batas lingkungan yang ditetapkan Allah untuk kami – lingkungan yang khususnya merangkum kamu. <sup>14</sup> Kami tidaklah melampaui batas-batas yang ditetapkan Allah, seolah-olah kami belum sampai ke tempatmu. Kamilah yang pertama datang membawa Injil al-Masih kepadamu. <sup>15</sup> Kami tidak berbangga di luar batas, iaitu tentang usaha orang lain; tetapi kami berharap bahawa dengan bertambahnya imanmu, kamu akan memperluas lingkungan kami. <sup>16</sup> Dengan demikian kami akan mengajarkan Injil di kawasan-kawasan yang lebih jauh lagi daripada tempatmu, dan tidak berbangga dalam lingkungan kerja orang lain. <sup>17</sup> ‘Tetapi seseorang yang bermegah, hendaklah bermegah di dalam Tuhan.’ <sup>18</sup> Kerana yang

dianggap mulia bukanlah orang yang memuji diri sendiri tetapi orang yang dipuji oleh Tuhan.

## 11

### *Paulus tentang rasul-rasul palsu*

<sup>1</sup> Aku harap kamu akan bersabar dengan satu kebodohan kecilku. Sememangnya kamu bersabar denganku. <sup>2</sup> Aku cemburu terhadapmu dengan cemburu ilahi; kerana aku telah menunangkan kamu dengan al-Masih dan ingin menyerahkanmu kepada-Nya sebagai anak dara yang suci. <sup>3</sup> Tetapi aku takut kalau-kalau fikiranmu akan dicemari sebagaimana Hawa telah diperdaya oleh ular dengan kepintarannya, sehingga kamu berpaling daripada kesetiaanmu yang murni kepada al-Masih. <sup>4</sup> Jika seseorang datang mengajar tentang Isa yang lain daripada yang kami ajarkan; atau kamu memperoleh roh yang lain daripada yang telah kamu peroleh, atau Injil yang lain daripada yang telah kamu terima; mungkin sekali kamu bersabar sahaja terhadapnya. <sup>5</sup> Aku rasa aku tidaklah kurang berbanding rasul-rasul yang unggul itu. <sup>6</sup> Sungguhpun aku tidak terlatih dalam bertutur kata, namun aku tidaklah kekurangan dalam pengetahuan. Kami telah ternyata sepenuhnya kepadamu dalam segala hal.

<sup>7</sup> Berdosakah aku merendahkan diriku supaya kamu ditinggikan, kerana aku mengajarkan Injil Allah kepadamu tanpa mengenakan bayaran? <sup>8</sup> Aku telah 'merompak' jemaah-jemaah lain dengan menerima ganjaran daripada mereka untuk

melayanimu. <sup>9</sup> Apabila aku berada di kalanganmu, dalam keadaanku yang serba kurang, aku tidak membebani sesiapa pun di antaramu; kerana segala keperluanku dipenuhi oleh saudara-saudara kita dari Makedonia. Dalam segala hal aku memastikan bahawa aku tidak menjadi beban kepadamu; dan demikianlah akan terus kulakukan. <sup>10</sup> Sebagaimana kebenaran al-Masih tetap ada dalam diriku, tiada siapa pun akan menghalangku daripada berbangga dalam hal ini di wilayah Akhaya. <sup>11</sup> Mengapa? Kerana aku tidak mengasihimu? Allah yang tahu! <sup>12</sup> Tetapi aku akan terus melakukan apa yang kulakukan sekarang, untuk menutup peluang bagi mereka yang mencari peluang supaya dianggap sama dengan kami dalam hal-hal yang mereka banggakan.

<sup>13</sup> Mereka adalah rasul palsu. Mereka berusaha dengan tipu daya dan menyamar sebagai rasul al-Masih. <sup>14</sup> Ini tidaklah menghairankan, kerana Iblis sendiri menyamar sebagai malaikat cahaya. <sup>15</sup> Oleh itu bukanlah suatu hal yang menakjubkan jika pelayan-pelayannya menyamar sebagai pelayan-pelayan yang benar. Akhirnya mereka akan menerima balasan setimpal dengan apa yang mereka kerjakan.

*Paulus berbangga dengan penderitaan-Nya*

<sup>16</sup> Sekali lagi aku berkata, janganlah sesiapa menyangka aku bodoh. Tetapi sekiranya aku disangka begitu, terimalah aku sebagai orang bodoh, agar aku dapat berbangga sedikit. <sup>17</sup> Apa yang kukatakan ini bukanlah menurut al-Masih



tetapi selaku orang bodoh dalam keyakinan berbangga. <sup>18</sup> Memandangkan ramai orang yang berbangga secara lahiriah, maka aku akan berbangga juga; <sup>19</sup> kerana kamu begitu senang hati bersabar dengan orang bodoh, sedangkan kamu bijak. <sup>20</sup> Kamu bersabar dengan orang yang memperhamba kamu, yang menelanmu, yang memerangkapmu dengan tipu helah, yang meninggikan dirinya, yang menampar mukamu. <sup>21</sup> Dalam hal demikian, dengan rasa malu aku mengaku, kami memang lemah.

Tetapi jika orang lain berani berbangga tentang sesuatu sebagai orang bodoh aku berkata, aku juga berani. <sup>22</sup> Adakah mereka berbangga kerana mereka orang Ibrani? Aku juga begitu. Kerana mereka bangsa Israel? Aku juga begitu. Kerana mereka keturunan Ibrahim? Aku juga begitu. <sup>23</sup> Kerana mereka para pelayan al-Masih? Aku berkata sebagai orang bodoh: Aku lebih lagi! Aku lebih banyak bertungkus-lumus, lebih kerap disebat, lebih sering dipenjarakan, selalu sahaja diancam maut. <sup>24</sup> Lima kali, sebanyak empat puluh kurang satu sebatan setiap kalinya, aku disebat oleh orang Yahudi. <sup>25</sup> Tiga kali aku dipukul dengan tongkat, sekali direjam, tiga kali ditimpa kejadian kapal karam, dan sehari semalam terkatung-katung di laut. <sup>26</sup> Dalam perjalanan, seringkali aku menghadapi bahaya; bahaya dari sungai, bahaya daripada penyamun, bahaya daripada bangsaku sendiri orang Yahudi, bahaya daripada bangsa-bangsa lain, bahaya di kota, bahaya di gurun, bahaya di laut, dan bahaya dari-

pada orang yang berpura-pura sebagai saudara seiman. <sup>27</sup> Aku sering keletihan bekerja keras, kurang tidur, kelaparan dan kehausan. Kerap kali aku terpaksa mengikat perut, menanggung kesekelompokan, kekurangan pakaian. <sup>28</sup> Di samping itu, setiap hari aku dibebani rasa rusing dan prihatin terhadap semua jemaah. <sup>29</sup> Jika seseorang lemah, tidakkah aku turut merasakan kelemahannya? Jika seseorang tersandung, masakan hatiku tidak sengsara kerananya!

<sup>30</sup> Sekiranya aku hendak berbangga, aku akan berbangga tentang kelemahan-kelemahanku. <sup>31</sup> Allah, Bapa Junjungan Isa yang terpuji selama-lamanya, tahu bahawa aku tidak berdusta. <sup>32</sup> Gabenor kota Damsyik, di bawah pemerintahan Raja Aretas, menyuruh agar kota itu dijaga oleh tentera, untuk menangkapku. <sup>33</sup> Tetapi aku diturunkan dalam sebuah bakul melalui sebuah jendela di tembok kota itu, lalu aku terlepas dari tangannya.

## 12

### *Penglihatan Paulus*

<sup>1</sup> Tentu sekali tiada faedahnya aku berbangga. Aku akan menceritakan penglihatan dan wahyu yang kudapati daripada Tuhan. <sup>2</sup> Aku mengenal seorang dalam al-Masih. Empat belas tahun lalu, orang itu dibawa ke langit yang ketiga (sama ada di dalam tubuh atau di luar tubuh aku tidak tahu, Allah yang mengetahuinya). <sup>3</sup> Aku tahu orang itu (sama ada di dalam tubuh atau di

luar tubuh aku tidak tahu, Allah yang mengetahuinya) <sup>4</sup> dibawa ke Firdaus lalu mendengar kata-kata yang tidak terperikan, yang tidak boleh dituturkan oleh manusia. <sup>5</sup> Aku berbangga dengan orang itu, tetapi aku tidak akan berbangga dengan diriku, kecuali kelemahan-kelemahanku. <sup>6</sup> Walaupun jikanya aku ingin berbangga, aku bukanlah bodoh, kerana aku menyatakan yang benar. Tetapi aku tidak akan melakukannya, supaya jangan ada orang yang menilaiku lebih tinggi daripada yang dilihatnya tentangku dan yang didengarnya daripadaku.

<sup>7</sup> Supaya aku tidak terasa terlalu tinggi kerana begitu dilimpahi wahyu, aku telah diberi duri dalam daging, utusan Iblis, untuk menyakitiku. <sup>8</sup> Sudah tiga kali aku memohon kepada Tuhan supaya seksa ini disisihkan daripadaku. <sup>9</sup> Tetapi firman-Nya, 'Cukuplah kasih kurnia-Ku bagimu, kerana kekuatan-Ku menjadi sempurna dalam kelemahan.' Oleh itu aku paling rela berbangga tentang kelemahan-kelemahanku, supaya kuasa al-Masih menaungiku. <sup>10</sup> Oleh itu, aku rela menanggung pelbagai kelemahan, celaan, kesempitan, penganiayaan dan kesusahan untuk al-Masih; kerana apabila aku lemah, ketika itulah aku kuat.

### *Prihatian Paulus terhadap jemaah di Korintus*

<sup>11</sup> Aku telah berbangga selaku orang bodoh. Kamu telah memaksaku berbuat demikian. Sepatutnya kamu memberiku penghargaan; kerana aku tidak kurang daripada rasul-rasul terunggul itu, walaupun aku orang yang tidak penting.

<sup>12</sup> Tanda-tanda kerasulanku telah ditunjukkan kepadamu dengan sepenuhnya, yaitu pelbagai tanda ajaib dan mukjizat. <sup>13</sup> Dari segi apakah kamu kurang daripada jemaah-jemaah lain, kecuali aku tidak membebanimu? Maafkan kesalahanku itu!

<sup>14</sup> Kini, bagi kali ketiga, aku bersedia mengunjungi kamu. Aku tidak akan membebanimu, kerana aku menghendaki kamu, bukan hartamu. Tidaklah wajar anak-anak mengumpulkan harta untuk ibu bapa. Ibu bapalah yang patut mengumpulkan harta untuk anak-anak. <sup>15</sup> Aku rela berbelanja malah berhabis untukmu. Oleh itu jika kasihku semakin kulimpahkan kepadamu, wajarkah aku semakin kurang dikasihi? <sup>16</sup> Walau bagaimanapun, aku tidak membebanimu. Namun demikian, aku dikatakan pandai memperdaya dan menawanmu dengan tipu helah! <sup>17</sup> Pernahkah aku memperdayamu melalui orang yang telah kuutus kepadamu? <sup>18</sup> Aku telah meminta Titus pergi mengunjungimu, bersama seorang lagi saudara kita. Adakah Titus memperdayamu? Tidakkah kami hidup menurut roh yang sama? Tidakkah kami bertindak dengan langkah-langkah yang sama?

<sup>19</sup> Adakah kamu menyangka kami membela diri di hadapanmu? Kami bersuara di hadapan Allah dalam al-Masih. Kami melakukan segala-galanya untuk menguatkanmu, saudara-saudara yang kukasihi. <sup>20</sup> Aku takut kalau-kalau ketika aku datang nanti, aku mendapatimu tidak seperti yang kuharapkan dan kamu

mendapatiku tidak seperti yang kamu harapkan. Janganlah hendaknya ketika itu aku menemui pertengkaran, hasad dengki, kemarahan, sikap mementingkan diri, umpat-mengumpat, desas-desus, keangkuhan, dan huru-hara. <sup>21</sup> Aku harap, ketika aku datang kelak, janganlah aku dipermalukan oleh Allah Tuhanku di hadapanmu dan bersedih kerana ramai yang dahulu berbuat dosa tetap tidak bertaubat daripada kekejian, pencabulan dan keliaran hawa nafsu dalam kehidupan mereka.

## 13

### *Peringatan terakhir*

<sup>1</sup> Kunjungkanku kepadamu nanti adalah bagi kali yang ketiga. ‘Melalui dua atau tiga orang saksi, setiap perkataan akan diteguhkan.’

<sup>2</sup> Dahulu, sewaktu aku tinggal bersamamu dalam kunjungkanku yang kedua, aku telah memperingatkan mereka yang berbuat dosa itu serta orang lain. Sekarang, dari jauh aku menulis memperingatkan mereka, bahawa apabila aku datang nanti aku tidak akan menunjukkan belas kasihan kepada mereka. <sup>3</sup> Kamu menuntut bukti bahawa al-Masih bersuara melaluiku. Al-Masih tidaklah lemah menghadapimu; Dia bertindak dengan penuh kuasa dalam dirimu. <sup>4</sup> Al-Masih disalib kerana kelemahan, tetapi Dia hidup kerana kuasa Allah. Kami juga lemah dalam Dia, namun dengan kuasa Allah akan hidup bersama Dia untuk melayanimu.

<sup>5</sup> Ujilah keteguhan imanmu; periksalah dirimu sendiri. Tidakkah kamu tahu al-Masih ada di

dalam dirimu? Kecuali kamu gagal. <sup>6</sup> Kami yakin kamu tahu bahawa kami bukanlah orang yang tidak tahan diuji. <sup>7</sup> Sekarang aku berdoa kepada Allah semoga kamu tidak melakukan kejahatan bukan kerana kami ingin kelihatan diperkenan sebagai rasul, tetapi supaya kamu melakukan perbuatan yang mulia, meskipun kiranya kami kelihatan seolah-olah tidak layak menjadi rasul. <sup>8</sup> Kami tidak mungkin melakukan sesuatu menentang apa yang benar. Setiap yang kami lakukan adalah untuk menegakkan yang benar. <sup>9</sup> Kami senang hati apabila kami lemah sedangkan kamu kuat. Kami juga mendoakan semoga kamu disempurnakan. <sup>10</sup> Oleh sebab itulah aku menulis segala ini sebelum aku berada di hadapanmu. Dengan demikian, apabila aku berhadapan denganmu kelak, tidaklah perlu aku berkeras terhadapmu melalui kekuasaan yang telah diberi Tuhan kepadaku untuk mengajarmu, bukan merosakkanmu.

<sup>11</sup> Akhir kata, saudara-saudara seimanku, ucapkan salam perpisahan dulu. Berusahalah menjadi sempurna. Senangkan hati, buatkan muafakat, hidup rukun damai; maka Allah Pengurnia kasih dan kesejahteraan akan bersamamu.

<sup>12</sup> Bersalamlah dengan mesra sebagai saudara-saudara seiman. <sup>13</sup> Semua orang salih di sini berkirим salam kepadamu.

<sup>14</sup> Semoga kasih kurnia Junjungan Isa al-Masih, kasih Allah dan keakraban Roh Suci menyertai kamu semua. Amin.

**Kitab Suci Zabur dan Injil**  
**Contextualized New Testament in the Malay language**  
**of Malaysia.**

Copyright © 2013 Pengamat Kitab Mulia

Language: Bahasa Malaysia (Malay)

This translation is made available to you under the terms of the Creative Commons Attribution-No Derivatives license 4.0.

You may share and redistribute this Bible translation or extracts from it in any format, provided that:

    You include the above copyright and source information.

    You do not make any derivative works that change any of the actual words or punctuation of the Scriptures.

Pictures included with Scriptures and other documents on this site are licensed just for use with those Scriptures and documents. For other uses, please contact the respective copyright owners.

2014-04-01

---

PDF generated using Haiola and XeLaTeX on 11 Nov 2022 from source files dated 22 Nov 2019

648b665b-0b0d-5152-8152-17df023a0827